

PROGRAM KESUKARELAWANAN DAN KEBAJIKAN 2017

Program Kesukarelawan Dan Kebajikan 2017 Program ini merupakan program kesukarelawan untuk menyemai nilai-nilai kesukarelawan dan kebajikan di dalam diri mahasiswa mahasiswi Universiti Putra Malaysia khususnya warga Kolej Tun Perak. Program kesukarelawan pada tahun ini sedikit berbeza di mana program ini telah diterajui oleh Kelab Cobra Army di bawah Sekretariat Kesukarelawan dan Kebajikan, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak Sesi 16/17. Program kesukarelawan ini berteraskan kepada konsep memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga hidupan liar daripada semakin pupus dan amat menanam nilai kesukarelawan di dalam diri mahasiswa. Program ini berjalan selama 1 hari di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah (PKGK), Pahang.



Gambar : Slot aktiviti membersihkan barang – barang yang dipenuhi dengan lumpur.



Gambar : Aktiviti pembersihan di kandah Gajah, PKGK.

Program ini turut mendapat sambutan dan sokongan daripada pengurusan Kolej Tun Perak serta Harian Metro. Pengarah program Zulkhairi Helmi Abdul Halim berkata, program anjuran Kelab Cobra Army di bawah Sekretariat Kesukarelawan dan Kebajikan, Kolej Tun Perak ini disertai seramai 63 penuntut. Katanya, selepas mengetahui PKGK dilanda banjir kilat dengan air lebih satu meter pihak kami memutuskan mengadakan program gotong-royong membantu kakitangan PKGK.

Katanya, kesan lumpur melekat di lantai dan dinding bangunan dibersihkan dan barangan serta peralatan dalam pejabat yang rosak akibat ‘berendam’ air dipindahkan ke tempat lain.

Program ini bermula 9 pagi dan selesai kira 4 petang, walaupun hanya beberapa jam berada di situ namun kejayaan membantu kakitangan PKGK memulihkan keadaan di situ dianggap berjaya.

Sementara itu, penuntut Athirah Amran, 20, berkata ia pengalaman pertamanya dan rakan menyertai program membersihkan kandang gajah. “Saya seperti tidak percaya melihat kesan banjir di PKGK yang menyebabkan ruang pejabat turut ditenggelami air hingga merosakkan banyak barangan kerana tidak sempat diselamatkan. Walaupun penat menyertai gotong-royong namun saya berpuas hati dapat membantu memulihkan pusat pelancongan itu yang terkenal dengan gajah dan menjadi antara produk pelancongan di negara ini,” katanya.



Gambar : Gambar kenangan bersama peserta serta pihak kuala gandah.

Disediakan oleh, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak